

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 14/2024

## EDITORIAL BOARD

### PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

### COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj Roslim

### CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

Nadiah Yahyauddin

### IN THIS ISSUE:

- \* Fun With Language
- \* Written Articles
- \* APB Rembau Activities  
(March to October 2024)

## **MIHRAB 2024: Pengalaman Pembelajaran Bahasa Arab di Luar Bilik Kuliah**

Ditulis oleh: Nur Aini Ariffin dan Mashitah Nordin

Pembelajaran bahasa Arab pada masa kini telah melangkaui batasan kelas tradisional, memperluas ruang pembelajaran kepada pengalaman di luar bilik kuliah. Pelbagai aktiviti dan permainan diperkenalkan untuk memupuk kecintaan terhadap bahasa ini di kalangan pelajar. Namun, keterbatasan masa dan kekurangan platform menghadkan ruang interaksi dan pengalaman yang lebih mendalam dengan bahasa Arab. Oleh itu, Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau telah mengambil inisiatif menganjurkan satu minggu bahasa Arab yang dinamakan “**Majlis Ihtifāl ‘Arabiyy (MIHRAB 2024)**”.

Program yang berlangsung selama empat hari bermula daripada 22 April 2024 sehingga 25 April 2024 ini melibatkan semua pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang mengambil kursus bahasa Arab (kod TAC) Tahap 1, 2 dan 3. Objektif utama program ini dijalankan adalah untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Arab pelajar dalam empat kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Selain itu, program ini diadakan bagi mewujudkan bi’ah lughawiyatt (persekitaran bahasa) yang memberi ruang kepada para pelajar untuk

mempraktikkan kemahiran berbahasa yang dipelajari dalam bilik kuliah.

Gambar 1: Poster MIHRAB 2024



Terdapat enam aktiviti yang dirangka sepanjang MIHRAB 2024 yang dilaksanakan secara bersemuka dan juga dalam talian. Pada hari pertama telah diadakan **Pertandingan Tulisan Khat** dan sebuah webinar yang bertajuk “**Webinar al-Fi’l al-Māḍī wa al-Fi’l al-Mudāri’ fī al-Lughatt al-‘Arabiyyatt**”. Webinar yang memfokuskan kepada kata kerja kala lepas dan kala kini dalam bahasa Arab ini telah disampaikan oleh Dr. Tg Ainul Farha Tg Abdul Rahman dari Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).



Gambar 2: Para peserta bersama karya khat masing-masing



Gambar 4: Berita bertemakan "Minggu Sukan"



Gambar 3: Penceramah menayangkan video Upin dan Ipin versi bahasa Arab

Untuk mengasah kemahiran bertutur dan menulis, **Pertandingan Membaca Berita Arab** dan **Pertandingan Menulis Dialog Kartun** telah diadakan pada hari kedua. Melalui kedua-dua pertandingan ini, terserlah bakat dan kreativiti tersembunyi para pelajar, terutama mereka yang pendiam dan pemalu, yang sebelum ini belum berpeluang untuk menyerlah.



Gambar 5: Dialog kartun yang telah dilengkapkan

Turut diadakan pada petang hari kedua, **Pengembaraan Sinbad**. Berkonsepkan *explorace*, pertandingan ini disertai oleh enam buah kumpulan yang terdiri daripada empat orang ahli.



Gambar 6: Para peserta menyelesaikan tugas di salah satu *checkpoint*

Hari ketiga menyaksikan penguasaan kosa kata pelajar diuji melalui **Kejohanan Scrabble**. Pertandingan yang julung kali diperkenalkan ini bukan sahaja memerlukan peserta untuk mengingat kosa kata Arab, bahkan perlu mengenal pasti penggunaan huruf yang betul ketika membina perkataan.



Gambar 7: Peserta menyusun huruf pada papan *scrabble*

Majlis Perasmian Penutupan MIHRAB 2024 telah disempurnakan oleh Yang Berusaha, Puan Nur Faathinah Mohammad Roshdan, Koordinator Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM

Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau pada 25 April 2024, jam 12.00 tengah hari di Dewan Kuliah 200 (DK200). Menurut beliau, Majlis Ihtifal 'Arabiyy (MIHRAB 2024) ini dapat menjadi gelanggang eksplorasi untuk memperluas pengalaman pembelajaran, sekali gus membugarkan suasana berbahasa Arab di UiTM Kampus Rembau.

Dengan pelbagai aktiviti yang menarik dan inovatif, MIHRAB 2024 memberi peluang kepada pelajar untuk terlibat secara aktif, menjadikan bahasa Arab bukan sekadar subjek pengajian, tetapi bahasa yang hidup, relevan dan penting dalam kehidupan sehari-hari seorang Muslim.



Gambar 8: Sesi bergambar kenang-kenangan